

Sukan

Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan (PSK) berlangsung dengan penuh gah selama dua hujung minggu baru-baru ini. Selain menjadi pentas utama bagi mengenal pasti bakat baru bagi pasukan nasional, PSK juga mencerminkan perpaduan dalam masyarakat silat. **NORMAN SAWI** (normans@sph.com.sg) melaporkan.

Silat perlu komitmen jangka panjang

Sambutan menggalakkan tambah semarak temasya pencak silat setempat

KURANG 24 jam selepas Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan (PSK) ke-40 melabuh tirai Ahad lalu, Sheik Alau'ddin dan empat anak didiknya berangkat ke Medan, Sumatera Utara.

Juara dunia, Shakir Juanda, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin dan juara berganda Sukan Asia Tenggara (SEA) Muhammad Nur Alfian Juma'en dan pesilat nasional, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, minggu lalu memulakan 'latihan ujian' dua bulan di Indonesia yang akan membawa mereka ke Sulawesi, Jakarta, Bandung dan Solo.

Kesemua pesilat berusia antara 19 dengan 27 tahun itu akan bertarung dua kali sehari dalam tempoh itu, bersandarkan matlamat mengekalkan keceriaan dan momentum menjelang Kejohanan Pencak Silat Dunia akhir tahun nanti.

Namun, menurut Sheik Alau'ddin, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan mantan juara dunia, beliau juga ingin menunjukkan kepada pesilat setempat yang lain bahawa peluang mewakili negara bukan perkara remeh dan memerlukan pengorbanan masa dan tenaga.

"Bukan sesiapa sahaja boleh layak dipilih mewakili negara.

"Pesilat yang berminat perlu menunjukkan beliau komited berlatih berjam-jam setiap hari... mencurahkan keringat dan berbungkus lumus lama sebelum sebarang pertandingan.

"Bakat sahaja tidak memadai," kata Sheik Alau'ddin, bercakap kepada *Berita Minggu* dari Medan.

Nur Alfian, penuntut tahun ketiga di Politeknik Ngee Ann yang sedang 'menikmati' cuti penggal, sependapat dengannya.

Nur Alfian, yang mempertahankan pingat emas Kelas F (70-75 kilogram) di Sukan SEA Ke-28 di depan penyokong sendiri Jun lalu, berkata beliau rela 'berkorban' masa cuti ini dan berlatih demi memperhalusi teknik.

"Latihan tidak mudah dan kami terpaksa berjauhan dengan keluarga. Tapi saya tahu tiada jalan lain untuk berjaya," kata Nur Alfi-

an, yang memburu pingat pertama di kejohanan dunia.

Rakan sepasukan, Shakir, berkata peluang beraksi secara berterusan dalam tempoh ini akan membekalkan beliau dan rakan sepasukannya menguji keupayaan masing-masing.

"Kami bukan ke sini dengan niat melancong atau bersuka-suka.

"Sebaliknya, kami ingin menguji ketangkasan diri berbanding dengan pesilat-pesilat hebat di negara ini," kata Shakir, yang menjadi juara dunia Kelas I (85-90 kilogram) pada 2012.

Sementara itu, menurut Sheik Alau'ddin, persembahkan pesilat setempat di PSK minggu lalu menggalakkan dan beliau berharap lebih ramai pesilat akan tampil menyertai latihan pasukan nasional.

"Kami mengundang setiap perguruan mendaftarkan nama pesilat mereka yang dianggap layak menyertai latihan nasional.

"Namun, mereka perlu sedar bahawa kami akan berlaku adil dan memilih pesilat terbaik yang menunjukkan semangat juang dan komitmen menyumbang kepada silat buat jangka panjang," kata Sheik Alau'ddin, yang juga ketua perguruan silat Seni Grasio - juara keseluruhan PSK buat lapan tahun berturut-turut.

Sejumlah 15 daripada 32 perguruan silat setempat mengambil bahagian dalam PSK tahun ini.

Namun, Sheik Alau'ddin berkata jumlah pesilat yang mengambil bahagian telah meningkat berbanding tahun-tahun yang sudah, berdasarkan pengamatannya.

"Perkembangan ini baik... tetapi lebih menyenangkan hati ialah semangat gotong-royong yang ditunjukkan para peserta dan penyokong mereka," katanya.

Dalam wawancara dengan akhbar ini bulan lalu, presiden Persisi, Encik Abdullah Shafiee Mohd Sidik memberitahu bahawa beliau bangga kerana PSK ialah satu-satunya pertandingan seni pertahanan diri yang mencerminkan perpaduan antara warga.

Dari sudut ini, Sheik Alau'ddin berharap warga silat akan mengambil sikap kurang emosi dan lebih tenang apabila ingin menyangkal sebarang keputusan pengadil semasa pertandingan.

"Kami akan memperketat undang-undang tahun depan," kata Sheik Alau'ddin walaupun beliau enggan memberikan sebarang contoh kejadian khusus di PSK minggu lalu.

"Setiap pesilat menjejakkan kaki ke gelanggang dengan harapan menggunung hendak menang.

"Tapi mereka perlu sedar bahawa mereka tidak boleh menunjuk perasaan atau bertindak secara keterlaluan," katanya.



TERUS TARIK MINAT: Aksi seni dan tanding di Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan terus menarik minat masyarakat, 40 tahun selepas ia pertama kali diadakan. - Foto-foto ZACK ZAINAL UNTUK PERSISI

PENUH AKSI: Juara dunia 2012, Muhammad Shakir Juanda (*kiri*) menjatuhkan lawan dalam laluannya ke pingat emas di PSK 2016.